

Tingkat kesedaran wanita terhadap keganasan

» **Program Mock Trial di USIM didik, buka mata masyarakat**

Oleh **Nor Affizar Ibrahim**
affizar@bh.com.my



Keganasan terhadap wanita di negara ini, membuka mata banyak pihak untuk turut sama-sama menangani isu itu.

Ini berikutan, keganasan terhadap wanita seperti mencabul, merogol, keganasan rumah tangga, memperdagangkan wanita dan sebagainya memberikan impak yang besar kepada sosio serta ekonomi negara.

Justeru, mewujudkan dan meningkatkan lagi kesedaran masyarakat mengenai kepentingan serta peranan semua pihak dalam menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap wanita, program *Mock Trial* iaitu pementasan mahkamah olok-olok diadakan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di Bandar Baru Nilai, baru-baru ini.

Penyelarar program dan juga Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata program tahun ini adalah kali ketiga diadakan, sejak 2011.

Muzaffar berkata, isu keganasan terhadap wanita perlu dipandang serius dengan mengambil pelbagai langkah sebagai usaha mencegah dan mengatasi masalah ini, termasuklah penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan program kesedaran seumpama itu serta penguatan institusi kekeluargaan itu sendiri.

Kes meningkat

"Kes keganasan terhadap wanita dilaporkan semakin meningkat dari setahun ke setahun. Mengikut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes keganasan rumah tangga yang membabitkan wanita, meningkat dari 2,462 kes pada 2011 kepada 2,558 kes pada 2012.

"Untuk itulah, antara objektif program itu adalah

“**ISU INI PERLU DITANGANI BAGI WUJUDKAN PERSEKITARAN SELAMAT UNTUK WANITA SUPAYA MEREKA BEBAS DARIPADA DIANIAYA**”

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang USIM

untuk meningkatkan kesedaran golongan muda mengenai keperluan sama-sama menangani isu keganasan terhadap wanita dan mewujudkan jalinan kerjasama yang aktif antara institusi pengajian tinggi (IPT), kementerian serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mencegah keganasan," katanya.

Program dua hari itu membabitkan 30 pelajar USIM dan ia turut diadakan bersempena, konvokesyen ke-11 pusat pengajian tinggi berkenaan.

Program diadakan dengan kerjasama, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), IM4U dan NGO, All Women's Action Society (AWAM).

Program diadakan, simbolik Sambutan Hari Anta-



Golongan muda juga bangkit menangani isu keganasan terhadap wanita.

Antara pelajar USIM yang menjayakan program *Mock Trial*.

rabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2013 yang disambut pada setiap 25 November dan dirasmikan, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim.

Muzaffar berkata, berdasarkan petikan daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-Moon, keganasan terhadap wanita adalah pencabulan hak asasi manusia dan penghalang kepada keseksamaan gender.

"Hakikatnya, isu ini perlu ditangani bagi mewujudkan persekitaran yang selamat untuk wanita supaya mereka bebas daripada penganiayaan. Keganasan terhadap wanita meliputi semua perbuatan menganiaya wanita dalam pelbagai cara termasuk penderaan fizikal, emosi, dan sosial," katanya turut berharap program berkenaan dapat memberi kesedaran kepada semua.

Beban pembuktian

Mengenai pengisian program berkenaan, Muzaffar berkata, dua aspek menjadi fokus utama iaitu subjek undang-undang jenayah dan undang-undang keterangan.

Katanya, antara yang menjadi dilema bagi kes keganasan terhadap wanita ialah sudut pembuktian yang menyukarkan mangsa membela dirinya sedangkan pelaku bebas daripada perbuatan dilakukan.

"Sebelum ini hanya fizikal saja yang dinyatakan dalam akta dan boleh dijadikan bukti mangsa didera.

Tetapi pada tahun lalu, ada pindaan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dengan memasukkan elemen emosi dan penderaan mental dalam akta sama bagi pindaan 2012.

"Ini satu perkembangan yang baik dan inilah juga cuba dipaparkan dalam program *Mock Trial* dan untuk didikongsi dengan semua.

Diharapkan juga orang ramai terutama mangsa

lebih faham akan dirinya supaya pembelaan lebih adil dapat diberikan kepadanya. Begitu juga masyarakat sekitar perlu berikutan sokongan dan lebih prihatin mengenai isu ini," katanya.

